

# PM ke Sabah tinjau situasi banjir

## Jumlah mangsa di PPS meningkat kepada 3,134 petang semalam

Oleh Zanariah Abd Mutalib  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim akan ke Sabah hari ini bagi meninjau situasi banjir di negeri itu yang dila-

porkan bertambah buruk.

“Saya akan ke sana esok (hari ini),” katanya ringkas ketika ditanya mengenai situasi bencana di Sabah.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Perhimpunan Agung Antara Parlimen ASEAN ke-46 (AIPA GA) di sini, semalam.

Situasi banjir di Sabah, sehingga pagi semalam, dilaporkan bertambah buruk dengan peningkatan jumlah mangsa yang berlandung di pusat pemindahan sementara (PPS).

Jumlah mangsa meningkat ke-

pada 3,134 orang daripada 916 keluarga, berbanding 2,919 orang daripada 814 keluarga, petang semalam.

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sabah, dalam kenyataan semalam, memaklumkan semua mangsa ditempatkan di 27 PPS membabitkan enam daerah iaitu Beaufort, Membakut, Penampang, Papar, Putatan dan Sipitang.

Jabatan Meteorologi Malaysia meramalkan berlaku ribut petir di beberapa tempat pada sebelah pagi dan petang di Sabah, manakala pada sebelah malam, ri-

but petir dijangka melanda beberapa tempat di pedalaman.

Di Shah Alam, *BERNAMA* melaporkan, seramai 230 murid daripada 38 sekolah dikenal pasti terkesan dengan kejadian banjir di Sabah setakat ini.

Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek, berkata susulan itu, pihaknya sedang mempertimbangkan pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) jika keadaan banjir tidak menunjukkan perkembangan positif menjelang pembukaan semula

sekolah pada minggu hadapan.

“Ketika ini persiapan kita adalah kepada pembersihan sekolah untuk persiapan pembukaan sesi persekolahan minggu hadapan.

“Kita juga melihat kepada akses pendidikan dapat dilaksanakan di Sabah ini walaupun dalam cuaca tidak menentu,” katanya kepada pemberita selepas sesi Town Hall Anti Buli Peringkat Selangor di sini, semalam.

Fadhlina berkata, walaupun pendidikan masih jadi keutamaan, pihaknya tetap mengutamakan keselamatan murid dan warga pendidik secara keseluruhan.